

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

5. MBPP telah membawa Pulau Pinang bagi memenangi Climathon Global Award 2020.
 - (a) Nyatakan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh PBT mengikut KADUN bagi mengurus isu perubahan iklim dunia (*Global Climate Change*).

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila merangkul anugerah berprestij *Climathon Global Awards 2020* bagi kategori bandar raya pada majlis yang berlangsung di Paris, Perancis pada 31 Januari 2020. Pulau Pinang menerima anugerah tersebut itu selepas berjaya mengatasi lima daripada 100 bandar raya yang disenarai pendek iaitu Dublin (Ireland), Khartoum (Sudan), Salvador (Brazil) dan Miami (Amerika Syarikat). MBPP telah menunjukkan usaha-usaha untuk menyahut cabaran ini melalui pelbagai inisiatif hijau di bawah program-program berkaitan penurunan kesan karbon di negeri ini yang telah berjaya.

Pada ketika ini, MBPP dalam perancangan untuk melaksanakan sebanyak lapan (8) projek bagi mengurus isu perubahan iklim dunia (*global climate change*). Senarai projek-projek yang akan dilaksanakan oleh MBPP mengikut KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**PROJEK-PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH MAJLIS BANDARAYA
PULAU PINANG (MBPP) MENGIKUT KADUN BAGI MENGURUS ISU
PERUBAHAN IKLIM DUNIA (GLOBAL CLIMATE CHANGE)**

BIL	NAMA PROJEK	KADUN	STATUS
1.	Projek Menaik taraf Sistem Saliran Di Solok Van Praagh Untuk Mengurangkan Impak Banjir Kilat	KADUN Batu Lancang	Sedang Berjalan
2.	Cadangan Meninggikan Aras Jalan Dan Menaik taraf Sistem Saliran Di Jalan P.Ramlee, Daerah Timur Laut Pulau Pinang.	KADUN Dato Keramat	Tender telah ditutup pada 16 Mac 2020
3.	Projek Pembinaan Laluan Basikal Ecodeck Di Sepanjang Persisiran Pantai Dari Hotel Flamingo, Jalan Tanjong Bungah Sehingga Hotel Shangri-La's Rasa Sayang'	KADUN Tanjong Bungah	Di peringkat permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Ke 12 (RMKe 12)
4.	Cadangan Penyediaan Bas Elektrik di Kawasan George Town untuk mengurangkan karbon (<i>carbon reduction</i>)	KADUN Padang Kota, KADUN Pengkalan Kota, KADUN Komtar	Di peringkat perancangan dan perbincangan dengan Syarikat Rapid Bus Sdn Bhd
5.	Sistem Smart Mobility. (<i>Intelligent Video Analytics, IVA</i>)	Semua KADUN	Di peringkat permohonan peruntukan RMKe 12
6.	<i>Computerized Traffic Lights System</i>	Semua KADUN	Di peringkat penyediaan dokumen Request For Proposal (RFP)

7.	Penukaran lampu jalan jenis HPSV (<i>High Pressure Sodium Vapour</i>) yang dijangka bermula pada Jun 2020 - Fasa 2 Kerja-kerja di tapak dijangka siap pada Februari 2021.	KADUN Batu Maung KADUN Pantai Jerjak KADUN Batu Uban KADUN Bayan Lepas KADUN Pulau Betong KADUN Teluk Bahang KADUN Tanjong Bungah KADUN Kebun Bunga KADUN Air Putih KADUN Padang Kota KADUN Ayer Itam KADUN Paya Terubong KADUN Seri Delima KADUN Batu Lancang KADUN Sungai Pinang KADUN Dato Keramat KADUN KOMTAR KADUN Pulau Tikus KADUN Pengkalan Kota	1176 Unit 879 Unit 1803 Unit 1651 Unit 674 Unit 458 Unit 897 Unit 389 Unit 195 Unit 71 Unit 448 Unit 386 Unit 123 Unit 639 Unit 84 Unit 71 Unit 153 Unit 287 Unit 23 Unit
8.	Pemasangan panel solar di beberapa tapak dan premis MBPP seperti berikut: 1. Bangunan Penguatkuasa & Pusat Kawalan Cctv Jalan Timah. 2. Kompleks Sukan Balik	KADUN KOMTAR. KADUN Pulau Betong. KADUN Pantai Jerjak.	Tender terbuka Request For Proposal (<i>RFP</i>) telah dipanggil untuk Merekabentuk, Membekal, Memasang Dan Mentauliah Bagi Pemasangan Panel Solar

	<p>Pulau.</p> <p>3. Kompleks Pasar Dan Balai Rakyat Bayan Baru.</p> <p>4. Kompleks Sukan Bandaraya Relau, Pulau Pinang.</p> <p>5. Jambatan Harapan.</p>	<p>KADUN Paya Terubong.</p>	
--	---	---------------------------------	--